



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 11/11

**GARIS PANDUAN PINJAMAN (SECONDMENT) ANGGOTA ATM DAN KELULUSAN
MEWUJUDKAN LALUAN DIPLOMA TUGAS KHUSUS DALAM
TRED KEJURUTERAAN TLDM**

Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan berikut:

Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke-569 yang telah bersidang pada 29 Oktober 2018 telah bersetuju untuk meminda Garis Panduan Peminjaman (*Secondment*) Anggota ATM bagi menetapkan kaedah pelantikan secara pertukaran tetap bagi anggota ATM yang mendapat tawaran daripada agensi peminjaman dan Pelaksanaan Pengambilan Skim Diploma Tugas Khusus bagi Anggota Lain-lain Pangkat (LLP), Cawangan Kejuruteraan TLDM.

1. Garis Panduan Peminjaman (*Secondment*) Anggota ATM bagi menetapkan kaedah pelantikan secara pertukaran tetap bagi anggota ATM yang mendapat tawaran daripada agensi peminjaman

Dasar sedia ada berkenaan Garis Panduan Peminjaman (*Secondment*) Anggota ATM telah dikeluarkan melalui **PMAT Bil 6 Tahun 2009** berdasarkan kepada **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 (PP Bil 12/2008)** - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.

ATM tidak mengguna pakai dasar berkenaan Pertukaran Tetap kerana tertakluk kepada **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 1998** di mana pesara tentera apabila dilantik semula ke Perkhidmatan Awam, pelantikan hanya boleh dibuat secara sementara ataupun kontrak oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, hasil daripada perbincangan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), suatu kaedah telah diputuskan dan dipersetujui oleh semua pihak terlibat bagi membolehkan anggota ATM untuk dilantik secara pertukaran tetap. Kaedah yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. Pegawai yang menerima tawaran pertukaran tetap oleh agensi peminjaman hendaklah memohon kepada Ketua Perkhidmatan untuk dibersarakan mengikut peraturan sedia ada dalam tempoh 90 hari sebelum tarikh pelantikan oleh agensi peminjaman.
- b. Tempoh pinjaman pegawai ke agensi peminjaman akan dipendekkan dan ditamatkan oleh ATM bagi membolehkan pegawai dibersarakan untuk tujuan dilantik secara pertukaran tetap oleh agensi peminjaman.

- c. Pegawai akan menerima faedah persaraan di dalam perkhidmatan ATM berdasarkan peraturan sedia ada. Pegawai diberi opsyen untuk memilih faedah persaraan Pencen dan Ganjaran Perkhidmatan (jika layak) **atau** Ganjaran Tamat Perkhidmatan mengikut kelayakan berdasarkan peraturan semasa ATM
- d. Pegawai dikehendaki memohon pengecualian untuk menghabiskan Cuti Rehat Terkumpul dan latihan peralihan bagi mengelakkan terputusnya tempoh pinjaman pegawai di agensi peminjaman.
- e. Pegawai layak menerima faedah persaraan di agensi baru (Pencen/KWSP) mengikut kelayakan. Percantuman perkhidmatan hanya layak kepada pegawai yang memilih Ganjaran Tamat Perkhidmatan semasa menamatkan perkhidmatan di dalam ATM.

2. **Mewujudkan laluan Diploma Tugas Khusus dalam Tred Kejuruteraan TLDM**

Majlis Angkatan Tentera (MAT) juga telah meluluskan pelaksanaan pengambilan Skim Diploma Tugas Khusus bagi Anggota Lain-lain Pangkat (LLP), Cawangan Kejuruteraan TLDM. Walau bagaimanapun skim kemasukan SPM seperti sedia ada akan diteruskan.

Kumpulan pertama Skim Diploma Tugas Khusus ini akan mula dilaksanakan pada awal tahun 2019. Diploma yang dicadangkan adalah Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) dan *Malaysian Qualifications Register* (MQR).

Tred-tred yang terlibat di dalam Cawangan Kejuruteraan TLDM adalah Teknisyen Marin Kuasa Gerak (TMK), Teknisyen Marin Srimala (TMS), Teknisyen Elektrik Radio dan Radar (TLR) dan Teknisyen Elektrik Senjata dan Kuasa Gerak (TLS).

Untuk rekod, Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan pengambilan Diploma Tugas Khusus sejak 2013, selaras dengan kelulusan pindaan Syarat-Syarat Perkhidmatan ATM 2013.

Sementara itu, TLDM telah pun melaksanakan Skim Diploma Teknologi Marin (DTM) mulai tahun 1997 untuk menggantikan Skim Teknisyen Biasa (TB) bagi anggota Lain-lain Pangkat (LLP) .

-TAMAT-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
29 November 2018